

PAUPM BANTU PELAJAR ASNAF

Tidak semua pelajar universiti berkemampuan. Ada segelintir daripada mereka terpaksa menahan lapar untuk meneruskan hidup di universiti.

Menyedari hakikat itu, Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) mengambil inisiatif membantu memberi makanan percuma kepada pelajar asnaf tegar.

Presidennya, Datuk Seri Syed Razlan Putra Jamalullail berkata, PAUPM bersama Yayasan Kebajikan Suria bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM bagi mengenal pasti pelajar asnaf.

“Sebagai permulaan, 40 orang pelajar asnaf dipilih untuk menerima bantuan ini yang diberi nama PAUPM Suria Meals bermula 1 Oktober tahun lalu sehingga kini.

“Matlamat penubuhan tabung ini untuk menjana satu formula ke arah meningkatkan pembabitan dan sumbangan masyarakat dalam mencapai kecemerlangan pendidikan yang berterusan, ketinggian akhlak, kesepaduan ilmu, iman dan amal,” katanya.

Syed Razlan berkata, berdasarkan tinjauan dilakukan, kira-kira 1,200 (lima peratus) daripada 24,000 mahasiswa di UPM datang daripada keluarga miskin tegar dengan gabungan pendapatan isi rumah kurang RM1,200 sebulan.

Oleh itu, katanya, satu Tabung Amal PAUPM Suria ditubuhkan bagi mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak untuk disalurkan kepada program berkenaan.

“Program sebegini

sememangnya nampak kecil, namun sangat memberikan manfaat kepada warga kampus.

“Tabung amal ini perlu diteruskan kerana sedikit sebanyak dapat membantu pelajar yang mengalami kesempitan wang,” katanya.

Selain PAUPM Suria Meals, terdapat beberapa program berbentuk makanan percuma turut diadakan di UPM.

Contohnya, Putra Bakti dari Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi yang menganjurkan program sajian percuma, pasar/kedai percuma, meal4u, sajian tergantung dan iftar percuma.

Selain itu, Sajian Percuma Femsu anjuran Persatuan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (BHEP) dan free meals@ BHEP anjuran Seksyen Pengurusan Kebajikan dan Tatatertib Pelajar BHEP.



SEORANG pelajar menunjukkan makanan percuma diterimanya.